

‘Kalkulator’ bantu ramal lebih awal risiko masuk semula ke hospital

PENYELIDIK setempat telah mencipta ‘kalkulator’ dalam talian yang boleh membantu meramal lebih awal risiko pesakit dimasukkan semula ke hospital.

Sekitar 15 peratus pesakit di Singapura yang dibenarkan pulang daripada hospital dimasukkan semula dalam masa 30 hari.

Walaupun tidak semua kemasukan semula ke hospital boleh diramal, penyelidik berharap alat baru itu dapat mengurangkan kemasukan semula yang boleh dielakkan berdasarkan faktor risiko yang dikenal pasti dalam kajian mereka.

Calon doktor falsafah (PhD) Jabatan Farmasi, Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Sreemanee Raaj Dorajoo, yang menjalankan kajian tersebut berkata:

“Model kami membantu mengenal pasti lebih awal pesakit berisiko tinggi dimasukkan semula ke hospital. Pesakit sebegini mungkin meraih lebih manfaat daripada campur tangan seperti perancangan khusus keluar hospital, kaunseling pengubatan, latihan penjaga atau meletakkan pesakit dalam program lawatan ke rumah.”

Bagi mencipta alat tersebut, golongan penyelidik melihat pada umur, keadaan kesihatan dan maklumat keluar hospital melibatkan lebih 300 pesakit berusia 21 tahun dan ke atas di Hospital Khoo Teck Puat (KTPH) yang dimasukkan semula ke hospital dalam masa 15 hari.

Mereka mengenal pasti faktor risiko kemasukan semula pesakit itu dan kemudian mengesahkannya dengan data daripada kumpulan 621 pesakit berasingan di KTPH dan Hospital Besar Singapura (SGH) antara Ogos dengan September



KURANG TEKATAN KE ATAS SISTEM JAGAAH KESIHATAN: Penyelidik berharap ‘kalkulator’ baru dapat mengurangkan kemasukan semula yang boleh dielakkan berdasarkan faktor risiko yang dikenal pasti. – Foto THE STRAITS TIMES

2015.

Ia mendapati bahawa jumlah ubat yang diberikan semasa pesakit dibenarkan keluar hospital amat berkaitan dengan risiko kemasukan semula. Bagi setiap preskripsi ubat tambahan, risiko dimasukkan semula ke hospital dalam tempoh 15 hari meningkat kira-kira 6 peratus.

Pesakit yang dibenarkan keluar dan terus ke rumah penjagaan juga didapati mempunyai risiko lebih tinggi dimasukkan semula ke hospital.

Profesor Madya Alexandre Chan daripada Jabatan Farmasi, Fakulti Sains NUS, yang menyelia projek

tersebut berkata:

“Pesakit yang dibenarkan keluar hospital dan terus ke rumah penjagaan biasanya memerlukan tahap penjagaan yang lebih. Maka memastikan pesakit dimasukkan ke tempat kemudahan penjagaan yang berseesuaian merupakan pertimbangan penting dalam mencari punca kitaran kemasukan semula.”

Pasukan penyelidik berharap penyedia penjagaan kesihatan boleh menggunakan kalkulator berasaskan web itu untuk menyediakan program campur tangan bagi pesakit berisiko lebih tinggi dimasukkan semula. Ini mungkin termasuk lawa-

tan atau pemeriksaan ke atas pesakit selepas dibenarkan keluar hospital.

Perbincangan sedang dijalankan untuk menyepadukan kalkulator berasaskan web itu ke dalam sistem rekod perubatan elektronik sedia ada bagi penyedia penjagaan kesihatan di Singapura.

“Kemasukan semula ke hospital memberi tekanan besar ke atas sistem penjagaan kesihatan. Dengan mengurangkan jumlah kemasukan semula yang boleh dicegah, kos penjagaan kesihatan berkaitan hospital boleh dikurangkan dengan ketara,” tambah Profesor Chan.